

# Krisis mata wang untungkan Malaysia

BH - 20 OCT 1992

SUBANG, Khamis — Kegagalan negara Eropah memulihkan ekonomi mereka berikutan krisis mata wang di negara masing-masing, menguntungkan Malaysia kerana dapat bersaing lebih mudah dengan negara berkenaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keengganan negara Eropah menerima pandangan Malaysia supaya memulihkan semula ekonomi mereka dengan merendahkan taraf hidup, akan menyebabkan negara berkenaan dilanda krisis ekonomi secara berterusan.

"Saya yakin mereka tidak ingin mendengar pandangan kita kerana mereka mahu mengekalkan taraf hidup yang tinggi. Itu masalah mereka. Bagi kita, ini menguntungkan kita kerana boleh bersaing lebih mudah dan berjaya," katanya kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan rasmi ke Ireland di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur di sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata, negara Eropah tidak mungkin dapat memulihkan semula ekonomi mereka selagi cuba mengekalkan taraf hidup terlalu tinggi yang mereka sendiri tidak mampu membina.

Menurutnya, kadar pengangguran di sesetengah tempat di Eropah terlalu tinggi sehingga mencapai 22 peratus. Pekerja mereka juga dibayar gaji terlalu tinggi.

"Keadaan ini menyebabkan pelabur tidak minat melabur. Ini menyebabkan bilangan penganggur bertambah. Apabila keadaan ini berlaku, mereka terpaksa membayar bantuan kebajikan kepada penganggur dengan lebih banyak lagi.

"Sedangkan pada waktu meleleset, kerajaan mereka tidak mempunyai wang untuk membayar wang kebajikan. Dengan itu mereka terpaksa selalu mengadakan defisit belanjawan. Ini tidak sihat bagi

mereka," katanya.

Ditanya perbincangannya dengan Perdana Menteri Britain, John Major, Perdana Menteri berkata, mereka tidak menyentuh mengenai kesan krisis mata wang paun terhadap ringgit.

Bagaimanapun, katanya, beliau memberitahu Major bahawa kejatuhan nilai mata wang paun akan mempunyai kesan terhadap eksport Malaysia, khususnya eksport kereta Proton Saga ke United Kingdom.

"Proton Saga akan menjadi lebih mahal berbanding kereta yang dibuat di United Kingdom sendiri. Malah, kereta yang diimport dari Jepun ke United Kingdom juga akan menjadi mahal.

"Malah, (kereta import dari Jepun) jauh lebih mahal daripada kereta kita.

"Jadi kalau nak bersaing di antara Proton Saga dengan kereta import Jepun, kita masih boleh mendahului mereka," katanya.